



## **MINIT MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PESARA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (PESUTM) KALI KE TUJUH (KE-7)**

**Tarikh: 4 Mac 2018 (Hari Ahad)**

**Masa: 9.30 Pagi.**

**Tempat: Dewan Alumni, UTM Johor Bahru.**

### **YANG HADIR:**

Kehadiran seramai 141 orang ahli seperti di senaraikan dalam Lampiran A.

### **AGENDA:**

1. Ucapan oleh Y.Bhg. Prof. Emeritus Dr. Ismail Kailani, Yang Dipertua PESUTM 2017/2019.
2. Pembentangan dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung PESUTM Kali Keenam (6) yang diadakan pada 25 Februari 2017.
3. Menerima dan Meluluskan Laporan Tahunan PESUTM bagi Tahun 2017.
4. Menerima dan Meluluskan Penyata Kewangan PESUTM Berakhir 31 Disember 2017.
5. Usul dan Lain-Lain Perkara Berbangkit.
6. Ucapan Penangguhan oleh Y.Bhg. Prof. Emeritus Dr. Ismail Kailani, Yang Dipertua PESUTM 2017/2019.

## **1.0 UCAPAN OLEH Y. BHG. PROF. EMERITUS DR. ISMAIL BIN KAILANI, YANG DIPERTUA PESUTM.**

- 1.1 Yang Dipertua (YDP) merangkap Pengerusi mengucapkan selamat datang kepada yang hadir. Selanjutnya mengucapkan terima kasih kepada YBhg Datuk Haji Wan Mohd. Zawawi bin Wan Abd. Rahman, Pendaftar UTM merasmikan Mesyuarat Agung PESUTM Kali Ketujuh (Ke-7) yang berlangsung sebentar tadi.
- 1.2 Pengerusi turut memaklumkan sempena Mesyuarat Agung PESUTM Kali Ke-7 buat julung kali diadakan Majlis Reunion Pesara ITK-UTM: Tautan Ukhuwah Dahulu, Kini Dan Selamanya. Sambutan akan diadakan sebaik sahaja mesyuarat agung selesai.

## **2.0 PEMBENTANGAN DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG KEENAM (6) YANG DIADAKAN PADA 25 FEBRUARI 2017**

- 2.1 Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Agung PESUTM Kali Ke-6. Mesyuarat sebulat suara bersetuju mengesah dan meluluskan Minit Mesyuarat Agung Persatuan Pesara UTM Kali Ke-6 tersebut tanpa pindaan.

**Pencadang:** En. Ramli Majun (0021)

**Penyokong:** En. Shawaludin Md Jati (0170).

- 2.2 Setiausaha selanjutnya membentangkan laporan perkara berbangkit daripada minit berkenaan . Diantaranya:

### **2.2.1 Mesyuarat Agung PESUTM Kali Keenam (Ke-6)**

Mesyuarat Agung PESUTM Kali Keenam (Ke-6) diadakan pada hari Sabtu, 25 Februari 2017 di Dewan Astana, Kolej Tuanku Canselor (KTC), UTM, Johor Bahru. Mesyuarat dihadiri 50 orang ahli dan dirasmikan oleh YBhg. Haji Wan Mohd. Zawawi bin Abd. Rahman, Pendaftar UTM mewakili Naib Canselor UTM.

### **2.2.2 Pemilihan Ahli Jawatankuasa Baharu 2017/2019**

Mesyuarat Agung PESUTM Kali Keenam diadakan pada 25 Februari 2017 memilih AJK baharu bagi sesi 2017/2019. Pemilihan tersebut selaras dengan

peruntukan Perlembagaan PESUTM yang memperuntukkan pemilihan AJK hendaklah dibuat setiap 2 tahun sekali.

### **2.2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM Bil. 1/2017**

Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM Bil. 1/2017 yang diadakan pada 26 Mac 2017 telah menamakan AJK meneraju biro.

### **2.2.4 UTM Beri Kemudahan Yang Termampu – Pendaftar**

“UTM akan terus beri kemudahan kepada pesara mana yang termampu. Kemudahan yang diberi sebagaimana terangkum dalam *Buku Panduan Kemudahan Pesara UTM*”. Demikian tegas Pendaftar UTM, Haji Wan Mohd. Mohd. Zawawi bin Wan Abd. Rahman semasa berucap merasmikan Mesyuarat Agung PESUTM Kali Keenam ini.

### **2.2.5 Buku Panduan Kemudahan Pesara UTM Telah Disiapkan**

Buku Panduan Kemudahan Pesara UTM telah disiapkan oleh pihak Pejabat Pendaftar (BPO) UTM. Para ahli persatuan/pesara boleh menjadikan buku ini sebagai panduan bagi mengetahui kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh UTM dan layak dinikmati oleh ahli pesara. Antara kandungannya ialah mengenai kemudahan perubatan, kad pesara UTM, pelekat kenderaan, ruang dan sebagainya. Pesara boleh melayari secara ‘on line’ iaitu di alamat <http://registrar.utm.my/publication>.

### **2.2.6 Terima Kasih Kepada Yang Dipertua 2015/2017 dan Ahli Jawatankuasanya: Yang Dipertua 2017/2019**

Yang Dipertua PESUTM 2017/2019, Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani merakamkan ucapan terima kasih kepada mantan Yang Dipertua PESUTM 2015/2017, Yang Berbahagia Prof. Emeritus Dato’ Wira Ir. Dr. Md. Noor bin Salleh atas sumbangan yang diberikan sepanjang menyandang jawatan Yang Dipertua. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada ahli-ahli jawatankuasanya.

### **2.2.7 UTM Lulus Sistem Maklumat Pesara (SMP)**

UTM melalui Pejabat Pendaftar telah meluluskan pembangunan sistem maklumat asas bakal pesara dalam Sistem Maklumat Staf (SMS). Sebahagian maklumat ini akan dipindahkan dalam Sistem Maklumat Pesara (SMP). Melaluinya PESUTM dibenarkan mengemas kini maklumat seperti alamat, nombor telefon, kematian dan sebagainya dalam sistem tersebut. Arahan telahpun dibuat kepada pihak Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (CICT) supaya sistem di atas dapat dibangunkan.

### **2.2.8 Perbincangan Membangunkan Sistem Maklumat Pesara (SMP)**

Bagi membangunkan Sistem Maklumat Pesara (SMP) satu perbincangan dengan pihak Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT) dan Pejabat Pendaftar UTM telah diadakan pada 1 Jun 2017 mulai jam 4.00 petang. Mesyuarat dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Suhaizan, Timbalan Pengarah CICT. PESUTM diketuai oleh Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani.

### **2.2.9 56 Ahli Dan Pasangan Menyertai Skim Takaful Berkelompok**

Seramai 56 orang ahli dan pasangan telah menyertai skim takaful berkelompok Syarikat Takaful Malaysia. Di bawah skim ini para peserta skim berumur bawah 65 tahun yang ditimpa musibah akan menerima pampasan RM3,500.00 dan bayaran pengkebumian RM500.00. Walau bagaimanapun, bagi peserta skim yang berumur lebih 65 tahun hanya menerima pampasan RM500.00.

### **2.2.10 PESUTM Hadiri Forum TN50**

Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani, menghadiri Forum TN50 untuk pesara seMalaysia pada 2 Mei 2017 bertempat di Dewan Mahkota 2, Hotel Istana, Kuala Lumpur mulai jam 9.00 pagi. Tujuan forum untuk mendapatkan idea-idea atau buah fikiran daripada pesara sendiri yang berkait rapat dengan kehidupan atau kebajikan masa depan para pesara.

Dalam sesi forum ini, Yang berbahagia Tan Sri Aseh bin Che Mat, Presiden Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia (YPKM) induk bagi persatuan-persatuan pesara di negara ini akan memperjuangkan kadar bayaran pencen supaya dinaikkan kepada 3% setiap tahun, membina Bandar Yayasan dan Hospital Pesara di Putrajaya dan sebagainya.

### **2.2.11 Majlis Bacaan Yassin Dan Tahlil Di Masjid UTM Kuala Lumpur**

PESUTM bersempena menyambut Ramadhan 1438 H menganjurkan Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil selepas Solat Magrib pada hari Khamis malam Jumaat 25 Mei 2017. Majlis diadakan bertempat di Masjid UTM Kuala Lumpur yang dihadiri oleh ahli-ahli PESUTM dan bukan ahli.

### **2.2.12 Ahli Jawatankuasa PESUTM Kunjung Hormat Naib Canselor**

Ahli Jawatankuasa PESUTM bagi tahun 2017/2019 telah melakukan kunjungan hormat ke atas Naib Canselor UTM, Yang Berbahagia Prof. Dr. Wahid bin Omar pada hari Ahad 14 Mei 2017 jam 9.00 pagi bertempat di bilik mesyuarat Pejabat Naib Canselor. Kunjungan ini diketuai oleh Yang Berbahagia Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani, Yang Dipertua PESUTM.

Mereka yang turut sama ialah En. Mohd. Yunos bin Dahlan (Naib Yang Dipertua), En. Ismael bin Samat (Setiausaha), Raja Faredah bt Raja Ismail (Bendahari), Hj. Khalid bin Mazlan (Penolong Setiausaha), Hj. Kasiran bin Saman, Hj. Mudzakir bin Mohd. Azib, Hj. Ruseli bin Md. Noh dan En. Mohd. Faiez bin Samsudin.

Yang Dipertua PESUTM telah menyuarakan beberapa perkara untuk dipertimbangkan. Antaranya ialah:

- Bahagian Perundangan UTM dapat mengkaji supaya kewajaran memasukkan “PESARA” dalam Akta/ Perlembagaan Universiti.
- Meminta penyediaan maklumat Sistem Maklumat Pesara dapat disegerakan.
- Mengkaji agar pesara atau anak pesara UTM dikenakan bayaran yuran minimum atau percuma apabila melanjutkan pengajian di UTM.
- Kaunter khas warga emas patut diadakan di Pusat Kesihatan UTM (PKU).
- Pesara KWSP UTM patut juga diberikan kemudahan rawatan perubatan percuma di PKU, UTM.
- UTM dengan kerjasama PESUTM wajar memanggil pegawai daripada KWAP untuk memberikan penerangan tentang peranan KWAP yang telah mengambil alih peranan Bahagian Pencen JPA.

### **2.2.13 PESUTM Hadiri Majlis Berbuka Puasa YPKM**

Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia (YPKM) menganjurkan Majlis Berbuka Puasa bersama PM pada petang hari Selasa 13 Jun 2017 bertempat di Sri Perdana, Putrajaya. PESUTM dijemput sama untuk hadir dalam majlis tersebut. PESUTM turut serta diwakili oleh Yang Dipertua Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani, Setiausaha En. Ismael bin Samat, dan AJK Puan Kasumabahri Masjuriah serta wakil-wakil daripada Kuala Lumpur.

### **2.2.14 PESUTM Hadiri Majlis Berbuka Puasa Di Masjid UTM JB**

PESUTM juga tidak ketinggalan turut mengadakan Majlis Berbuka Puasa anjuran Masjid Sultan Ismail, Kampus UTM Johor Bahru. Majlis diadakan pada hari Selasa 13 Jun 2017 bertempat di masjid berkenaan. PESUTM diketuai oleh En. Mohd. Yunos bin Dahlan, selaku Naib Yang Dipertua. Untuk majlis kali ini, PESUTM bekerjasama dengan Pusat Ko-Kurikulum memasak bubur lambuk untuk Majlis Berbuka Puasa dan untuk diagihkan

kepada para pelajar dan mereka yang memerlukannya. PESUTM menyumbang sebanyak RM500.00.

#### **2.2.15 Majlis Raya PESUTM Kuala Lumpur**

Majlis Sambutan Hari Raya anjuran Persatuan Pesara UTM (PESUTM) pada hari Sabtu 15 Julai 2017 turut dihadiri Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Salleh bin Mohd. Noor, Pro-Canselor UTM. Majlis diadakan di Dewan Tan Sri Ainuddin Wahid, kampus UTM KL dari jam 12.00 tengah hari hingga jam 4.00 petang dihadiri lebih 150 tetamu termasuk ahli/isteri/suami dan bukan ahli. Turut memeriahkan majlis ialah Y. Bhg. Dato' Dr. Muhammad Ridzuan bin Salleh yang juga mantan Pro-Canselor/Naib Canselor UTM, Prof. Emeritus Dr. Ismail Kailani Yang Dipertua PESUTM, Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Noor bin Salleh mantan Yang Dipertua, Y. Bhg. Dr. Mohd. Said bin Mat Lela mantan Naib Canselor UMP, Y. Bhg. Datuk Abdullah bin Mohd. Ali mantan ADUN Bukit Nanning, Muar, Johor, Sdr. Ismael bin Samat S/U PESUTM dan para pesara dan bekas staf UTM.

PESUTM mengucapkan terima kasih kepada AJK PESUTM KL iaitu Puan Musrinah bt Umar dan Encik Mat Zahir bin Bahari dan yang lain yang bertungkus lumus menjayakan majlis tersebut.

#### **2.2.16 Majlis Hari Raya PESUTM Jb Johor**

Majlis Sambutan Hari Raya Johor Bahru yang diadakan pada hari Rabu **13 Julai 2017** mulai jam 10.00 pagi turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Datuk Dr. Wahid bin Omar, Naib Canselor UTM.

Majlis diadakan di Dewan Astana KTC UTM, turut dihadiri oleh lebih 160 tetamu termasuk ahli, isteri/suami dan bukan ahli. Turut hadir ialah Y. Bhg. Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani Yang Dipertua, Encik Mohd. Yunos bin Dahlan Naib Yang Dipertua dan AJK PESUTM.

#### **2.2.17 PESUTM Hadir Hari Keluarga UTM**

Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani, Yang Dipertua dan En. Ismael bin Samat, Setiausaha hadir Hari Keluarga UTM yang diadakan pada hari Sabtu 5 Ogos 2017 mulai jam 7.45 pagi bertempat di Stadium Azman Hashim UTM Johor Bahru. Hari Keluarga UTM dikhaskan untuk staf UTM. Beberapa upacara dan aktiviti telah diadakan bagi memeriahkan hari tersebut. Majlis dirasmikan oleh Yang Bhg. Tan Sri Abdul Halim bin Ali, Pengerusi Lembaga Pengarah UTM.

#### **2.2.18 Ahli PESUTM Kembali Ke Rahamatullah**

**Prof. Madya Dr. Daut bin Daman** kembali ke rahmatullah pada hari Rabu 7 Ogos 2017 di King Abdul Aziz University Rabigh Saudi. Allahyarham

ialah ahli PESUTM dan mantan staf akademik Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM) UTM. Allahyarham dipinjamkan oleh UTM ke Universiti berkenaan tetapi selepas itu beliau memohon diserap tetap menjadi staf akademik di Universiti tersebut. Jenazahnya dikebumikan di Jeddah, Saudi Arabia.

**Saad bin Labri**, ahli PESUTM kembali ke rahmatullah pada petang 18 Oktober 2017. Beliau ialah mantan Pegawai Keselamatan UTM. PESUTM turut menyumbang sebanyak RM100.00 kepada keluarga Allahyarham Saad. Sumbangan ikhsan disampaikan kepada balu Allahyarham pada pagi 7 Disember 2017 bertempat di rumah beliau. Sumbangan disampaikan oleh Hjh. Latifah, isteri kepada Haji Roslan bin Radzi, Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial PESUTM.

PESUTM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga kedua-dua arwah dan berdoa agar roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama mereka yang beriman.

#### **2.2.19 Program Kursus Pra-Pesaraan: Yang Dipertua**

Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani, Yang Dipertua PESUTM bersama En. Mohamad bin Abdullah mantan Bendahari UTM yang juga ahli PESUTM dijemput oleh Unit Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UTM pada 13 September 2017 untuk menyampaikan tajuk “Aktiviti dan Perancangan Pesara”. Ceramah yang diberikan adalah sebahagian daripada program dalam kursus Pra-Pesaraan untuk bakal pesara UTM anjuran unit berkenaan.

#### **2.2.20 Kemudahan Komunikasi Ahli**

Bagi memudahkan urusan komunikasi antara sesama ahli, PESUTM telah membangunkan dua kumpulan WhatsApp untuk ahli Johor Bahru dan sekitarnya. Kumpulan WhatsApp induk atas nama “Persatuan Pesara UTM-JB ditadbirkan oleh Hj. Ismaail bin Samat, S/U, Hj. Khalid bin Mazlan, Penolong Setiausaha dan En. Faiez bin Samsudin, AJK PESUTM

Satu lagi kumpulan WhatsApp wanita dinamai “Pesara UTM JB Wanita” ditadbir oleh Puan Noraidah Bakri selaku Pengerusi Biro. Matalamatnya untuk membolehkan ahli wanita PESUTM dapat berkomunikasi dan bertukar-tukar idea dan pandangan yang boleh memajukan wanita yang menganggotai PESUTM.

Untuk itu PESUTM mengariskan Panduan dan Peraturan untuk diikuti oleh semua ahli. Ianya berkuatkuasa mulai 14 Julai 2017.

#### **2.2.21 PESUTM Kuala Lumpur Adakan Perjumpaan Santai Kali Ke-3**

PESUTM melalui Biro Kuala Lumpur telah mengadakan Perjumpaan Santai Pesara KL kali Ke-3 pada 28 Oktober 2017 mulai jam 11.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Lobby MJIT, Kampus UTM, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Perjumpaan ini berjaya mengumpulkan lebih 60 orang pesara UTM dan bekas staf UTM yang datang dari Kuala Lumpur, Seremban, Putrajaya, Banting dan Medan. Setiap peserta dikenakan bayaran RM15.00 seorang. Tujuan perjumpaan ialah merapatkan hubungan sailaturahim antara satu dengan yang lain dan dapat megimbau kenangan manis semasa sama-sama berkhidmat di ITK/UTM. Perjumpaan dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Abdullah bin Mohd. Ali, mantan ADUN Bukit Naning, Muar, Johor yang juga ahli PESUTM.

#### **2.2.22 PESUTM Anjur Majlis Jamuan Teh JB: Sepetang Mesra Bersama Pesara**

PESUTM turut mengadakan *Majlis Jamuan Teh: Sepetang Mesra Bersama Pesara* pada hari Ahad 3 Disember 2017 mulai jam 2.00 petang - 4.15 petang bertempat di Dewan Alumni UTM. Matlamatnya untuk mengeratkan hubungan ukhuwah sesama ahli dan dapat mencetuskan buah fikiran yang dapat memberi manfaat kepada ahli. Majlis dihadiri oleh lebih 120 orang ahli dan bukan ahli, turut dihadiri oleh Yang Dipertua PESUTM Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani.

Yang Dipertua semasa berucap mengucapkan “ribuan terima kasih kerana perjumpaan kali ini mendapat maklum balas yang begitu baik sekali dan yang mendaftar untuk hadir ialah seramai 144 orang. Upacara sebegini InsyaAllah akan menjadi upacara tahunan Persatuan”.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada penaja yang membiayai keseluruhan kos jamuan iaitu Y. Bhg. Datuk Dr. Abdul Majid bin Kadir.

Di majlis ini juga para tetamu yang hadir, turut menyumbang sebanyak RM720.00 melalui derma kilat yang diedarkan melalui tabung.

- **Datuk Majid Sumbang Jamuan Sepetang Bersama Pesara**

Yang Berbahagia Datuk Dr. Abdul Majid bin Kadir, ahli PESUTM menyumbang sebanyak RM2100.00 untuk membiayai kos jamuan Majlis Sepetang Bersama Pesara JB.

- ***‘House Of Olive’ Taja Cabutan Bertuah***

Pihak ‘House of Olive’ pembekal produk kesihatan telah menaja 10 cabutan bertuah bagi Majlis Sepetang Bersama Pesara JB pada 3 Disember 2017. PESUTM mengucapkan terima kasih. Hadiah disampaikan oleh Sdr. Yusof wakil ‘House of Olive’ Taman Universiti, Skudai.



### **2.2.23 Ahli Jawatankuasa PESUTM Terima Pengiktirafan**

Prof. Dr. Ahmad Kamal bin Idris, AJK PESUTM dianugerahkan Prof. Emeritus oleh pihak UTM. Anugerah disampaikan oleh Canselor UTM Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah bt Almarhum Sultan Idris Shah, Raja Permaisuri Johor di Majlis Konvokesyen ke 59 UTM pada 28 Oktober 2017 bertempat di Dewan Sultan Iskandar. Tahniah Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal. Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal pernah menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik) UTM dan masakini beliau berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Universiti Teknologi Petronas (UTP), Perak.

### **2.2.24 PESUTM Sampaikan Sumbangan Kepada Sdr. Ramli Bin Latif**

PESUTM telah menghulurkan sumbangan ikhsan kepada Sdr. Ramli bin Latif ahli PESUTM bertempat di rumahnya di Taman Universiti. Beliau yang kurang sihat mengucapkan terima kasih kepada PESUTM. Sumbangan sebanyak RM100.00 disampaikan oleh Raja Faredah bt Raja Ismail, Bendahari PESUTM pada 13 November 2017. Sebelum ini iaitu pada 28 Oktober 2017 PESUTM juga telah mengadakan majlis ziarah ke rumah Sdr. Ramli bin Latif. Sdr. Ramli bin Latif difahamkan berangkat menunaikan ibadat umrah pada 17 November 2017. PESUTM berdoa dan mengharapkan agar beliau akan kembali sihat dan sembuh seperti sediakala, InsyaAllah.

### **2.2.25 PESUTM Beri Kursus Dalam Program Prapersaraan UTM**

Yang Dipertua dan Setiausaha PESUTM di jemput memberi kursus bertajuk Persatuan Pesara UTM dalam Program Kursus Prapersaraan anjuran Unit Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UTM. Yang Dipertua pada 2 Disember 2017 untuk bakal pesara kampus Johor Bharu, manakala Setiausaha pada 19 Disember 2017 untuk bakal pesara KL.

### **2.2.26 PESUTM Sampaikan Sumbangan Kepada Sdr. Yasin Bin Yaman**

PESUTM menyumbang sebanyak RM100.00 kepada Sdr. Yasin bin Yaman, ahli PESUTM yang kurang sihat dan uzur. Sumbangan disampaikan oleh Hj. Ruseli bin Md. Noh yang mewakili PESUTM pada 20 Disember 2017 bertempat di rumahnya di Taman Pulau Indah. PESUTM berdoa agar beliau sembuh dari penyakitnya.

### **2.2.27 PESUTM Tetamu Majlis Sanjungan Budi 2017**

PESUTM menjadi tetamu *Majlis Sanjungan Budi 2017* UTM pada hari Khamis 7 Disember 2017 bertempat di Dewan Sultan Iskandar UTM. Majlis diadakan, antaranya untuk meraikan para pesara yang bersara tahun 2017. Y.Bhg. Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah bt Sheikh Bakir Pro – Canselor UTM yang turut hadir menyampaikan anugerah. PESUTM diwakili oleh

Yang Dipertua Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani, Hj. Ismaal bin Samat (Setiausaha) dan Hj. Khalid bin Mazlan (Penolong Setiausaha).

Dalam majlis sama, Raja Faredah bt Raja Ismail, Puan Surani bt Pardi dan Puan Noraidah bt Bakri yang turut hadir mendaftarkan pesara baharu untuk menganggotai PESUTM. Seramai 29 orang telah menyertainya.

#### **2.2.28 PESUTM Sampai Sumbangan: Maahad Tanwiriah Lilbanat Muar**

PESUTM telah menyumbang kepada pembangunan Maahad Tanwiriah Lilbanat bertempat di Jalan Temenggung Ahmad, Parit Jawa, Muar. Sumbangan disampaikan oleh Yang Dipertua PESUTM, Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani kepada Sdr. Mohd. Hakim Sanusi bertempat di Maahad tersebut pada 27 Disember 2017. Derma yang di beri adalah hasil sumbangan para dermawan/ahli.

#### **2.2.29 Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM**

Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM tahun 2017/2019 sejak mula dilantik hingga 30 Disember 2017 telah mengadakan mesyuarat sebanyak lima kali. Butiran mesyuarat seperti di bawah:

- Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM Bil. 1/2017 pada 26 Mac 2017 dihadiri seramai 12 orang ahli
- Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM Bil. 2/2017 pada 4 Mei 2017 dihadiri seramai 11 orang ahli
- Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM Bil. 3/2017 pada 22 Ogos 2017 dihadiri seramai 10 orang ahli
- Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM Bil. 4/2017 pada 12 November 2017 dihadiri 13 ahli
- Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM Bil. 1 pada 20 Disember 2017 dihadiri seramai 13 orang ahli

### **3.0 MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN TAHUNAN 2017**

- 3.1 Setiausaha membentangkan Laporan Tahunan Persatuan Pesara UTM bagi tahun 2017 di atas yang telah diedarkan kepada ahli.
- 3.2 Haji Zakariya Abd. Rasip (0240) mencadangkan supaya sumbangan kematian PESUTM dinaikkan kepada RM400. Bagi beliau dalam suasana ini sumbangan RM100 itu terlalu sedikit. Menjawab cadangan ini, Yang Dipertua memaklumkan selain sumbangan RM100, PESUTM turut mengusahakan kutipan bagi meringankan beban keluarga.

- 3.3 Ahli menerima laporan yang dibentangkan. Dengan ini mesyuarat bersetuju menerima dan meluluskan Laporan Tahunan 2017.

**Pencadang:** Mohd. Salleh Hj Mohamed (0058)

**Penyokong:** Ibrahim Hassan (0428)

#### **4.0 MENERIMA DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

- 4.1 Bendahari membentangkan Penyata Kewangan berakhir 30 Disember 2017 (seperti di Lampiran B) yang telah diedarkan kepada ahli.

**Tindakan: Bendahari.**

- 4.2 Ahli tiada halangan dengan laporan yang dibentangkan. Dengan ini mesyuarat bersetuju menerima dan meluluskan Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2017.

**Pencadang:** Ibrahim Hassan (0428)

**Penyokong:** Rapiah Abdullah (0091)

#### **5.0 PEMBENTANGAN USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN PESUTM.**

- 5.1 Tiada usul yang di terima untuk pindaan Perlembagaan PESUTM.

#### **6.0 PEMBENTANGAN USUL LAIN DAN LAIN-LAIN PERKARA BERBANGKIT**

- 6.1 Tiada Usul Lain secara bertulis yang di terima.
- 6.2 Selanjutnya Dr Mat Jizat Abdul, Dr Hj. (0109) mencadangkan supaya Persatuan Pesara UTM menerbitkan naskhah direktori keahlian yang memuatkan perihal diri ahli: nama, alamat, no. telefon dan emel.
- 6.3 Tuan Haji Hazil Abd. Hamid (0205) mencadangkan ahli yang mempunyai kepakaran supaya mengisi masa dengan menulis dengan ini sebahagian daripada royalti yang diterima boleh disumbangkan kepada PESUTM.

#### **7.0 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YANG DIPERTUA PESUTM 2017/2019**

- 7.1 Prof. Emeritus Dr. Ismail bin Kailani, Yang Dipertua PESUTM mengucapkan terima kasih kerana di beri kepercayaan untuk menerajui PESUTM bagi tahun 2017/2019.
- 7.2 Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa PESUTM di atas usaha-usaha dan sumbagan bakti yang diberikan.
- 7.3 Seterusnya beliau memohon kepada semua Ahli Jawatankuasa agar dapat meneruskan tugas dan berusaha gigih untuk bergerak ke depan bagi memastikan matalamat penubuhan PESUTM dapat di capai. Seterusnya beliau berharap jumlah ahli akan terus bertambah dan dalam masa yang sama beliau perlukan sokongan dan dukungan daripada semua ahli PESUTM.

**Mesyuarat tamat jam 11.00 tengah hari.**

.....

**Prof. Emeritus Dr. Ismail Kailani**

Yang Dipertua 2017/2019

Tarikh: .....

.....

**Haji Ismael Samat**

Setiausaha 2017/2019

Tarikh: .....

**MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PESARA UTM KALI KE-7  
4 MAC 2018  
DEWAN ALUMNI UTM JB**

1. Abd Aziz Abd Manaf, Hj, **0012**
2. Abd Jaafar Bin Shafie **0236**
3. Abd Jalel Ahmad **0503**
4. Abd. Aziz Othman, **0274**
5. Abd. Manan Ahmad **0068**
6. Abdul Rahim Omar, Dr. **0277**
7. Abdullah Asuhaimi Mohd. Zin, Dr **0066**
8. Abdullah Che Awang, **0093**
9. Abdullah Ismail, **0211**
10. Abdullah Md. Ali, Dato **0011**
11. Abu Bakar Taib **0342**
12. Abu Samah Kasim **0469**
13. Ahmad Hamdan **0217**
14. Ahmad Said **0075**
15. Ali bin Amat **0186**
16. Aminah Abdull Shukor **0378**
17. Aminah Atan **0285**
18. Azizan bin Md. Ali **0027**
19. Baharuddin Mohd Jani **0390**
20. Bahrim Md Kasim **0290**
21. Bakri Mohd Dahalan **0449**
22. Be Asmah Hasim **0147**
  
23. Fadil Othman, Dr **0218**
  
24. Fatimah Harun **0495**
  
25. Fatimah Mohamad **0189**
  
26. Fatimah Mohd Noor, Ir **0095**
  
27. Fauziyah Shaikh Abdullah Basmeih **0382**
  
28. Hafsah Hamdan **0362**
  
29. Halijah Shahrudin **0256**
  
30. Halimah Suki **0341**
  
31. Halison Md Zain **0219**
  
32. Hamidah Ab. Hamid **0047**
  
33. Hamidah Baba **0182**
  
34. Hamidah Ja'ffar **0282**

35. Hanafiah Hashim **0069**
36. Hasnah Ismail **0286**
37. Hazil Abd. Hamid **0205**
38. Ibrahim Hassan **0428**
39. Ibrahim Mohd Salleh **0209**
40. Ishak Mad Shah **0475**
41. Ismaail Samat **0296**
42. Ismail Hj Bakar, Dato' Prof Emeritus Dr **0311**
43. Ismail Ibrahim **0019**
44. Ismail Kailani, Prof. Emeritus Dr. **0085**
45. Ismail Mat Jali **0049**
46. Jamil Tahir **0275**
47. Jamil Yusof **0048**
48. Johari Zainudin **0505**
49. Junainah Jukee **0360**
50. Kamariah Osman **0293**
51. Kamarulzaman Othman **0213**
52. Kamaruzaman Ismail **0425**
53. Kamarzaman Salikon **0065**
54. Kasim Marjono **0198**
55. Kasiran Saman **0022**
56. Kasumabahri Masjuriah **0193**
57. Khalid Mazlan **0326**
58. Khasim Ismail **0346**
59. Mad Zahir Bin Bahari **0181**
60. Mat Jizat Abdul, Dr Hj. **0109**
61. Maulud Ishak Shafie, Hj **0504**
62. Md Dan Md Palil, Dr. **0154**
63. Md Husin Lee **0203**
64. Md Noor Salleh, Prof Emeritus Dato Wira Ir. Dr. **0015**
65. Md Nor Musa, Prof. Emeritus Dr. **0179**
66. Md Raduan Harun **0361**
67. Md Shah Majid **0508**
68. Md Yusof Abu Bakar, Prof Emeritus Dr. **0139**
69. Md. Noh Main **0061**
70. Mek Zum Mohamed **0024**
71. Meryam Sudin **0173**
72. Mohamad Afifi Abdul Mukti, Ir **0023**
73. Mohamad Faiez Samsudin **0384**
74. Mohamed bin Abdullah **0017**
75. Mohamed Sabri M. Salleh **0064**
76. Mohammad Hasnan **0196**
77. Mohd Hashim Setu **0450**
78. Mohd Khir Muhammad **0111**
79. Mohd Najib Yusof **0302**
80. Mohd Nazri L Zainal **0426**
81. Mohd Razman Salim, Dr. **0489**
82. Mohd. Ayob Suradi **0396**
83. Mohd. Nazari Kamaruddin **0374**
84. Mohd. Rosley Abd Rahman **0035**

85. Mohd. Salleh Hj Mohamed **0058**
86. Mohd. Shahid Abdul Malek **0324**
87. Mohd. Yunos Dahlan **0020**
88. Mohd. Zaki Abd Rahman **0081**
89. Mudzakir Bin Mohd. Azib **0077**
90. Muhamad Saad Hj Sulaiman **0486**
91. Muhammad Audah Bin Abdul Karim, Ir. **0314**
92. Muhammad Sum Idris, Dr. **0060**
93. Musrinah Umar **0032**
94. Musthaffa Kamal Kepet **0348**
95. Nafisah Ismail **0432**
96. Noh Mohamad **0294**
97. Noor Asihan Binti Ahmad, Datin **0312**
98. Noor Sharipah Binti Sultan Sidi, Dr. **0116**
99. Noorman Tandjung **0287**
100. Nor Azina Dahlan **0119**
101. Noraidah Bakri **0241**
102. Noraini Abdul Rahman **0174**
103. Noraini Ahmad **0478**
104. Noraini Mohd Noor **0273**
105. Norkhair Ibrahim, Dr. **0439**
106. Omar Endut **0381**
107. Rabiah Mohamed Akhir **0289**
108. Raja Faredah Raja Ismail **0171**
109. Ramli Majun **0021**
110. Rapiah Abdullah **0091**
111. Rashidah Mohd Yusof **0355**
112. Rohana Abd Rahim **0429**
113. Roslan Mohd Radzi **0099**
114. Rosnah Md Nor **0453**
115. Ruseli Md. Noh **0079**
116. Saerah Othman **0375**
117. Sahirah Marzuki **0046**
118. Saleha Meoun, **0076**
119. Satapah Ahmad, Dr **0078**
120. Saudah Siwan **0373**
121. Shahabuddin Ibrahim **0118**
122. Shamsudin Mohd Amin **0410**
123. Shawaludin Md. Jati **0170**
124. Siti Zoyah Othman **0018**
125. Surani Pardi **0397**
126. Syed Abu Bakar Syed Akil **0059**
127. Umi Kalthom Ahmad **0434**
128. Wan Hasan Abdullah **0279**
129. Yahya Khalid **0440**
130. Yusof Yaacob, Dr **0392**
131. Yusoff b Ab Rauf **0436**
132. Zaidah Abd. Rahman **0169**
133. Zainab Ishak **0183**
134. Zainah Hatim **0148**
135. Zainal Abidin Ahmad, Prof Emeritus Dr **0087**
136. Zainal Arifin Hassan **0383**
137. Zainul Rashid Abu Bakar **0441**
138. Zakaria Bahari, Dr. **0117**

- 139. Zakaria Che Embun **0284**
- 140. Zakariya Abd. Rasip, Hj **0240**
- 141. Zulkifli Hassan **0216**



**PENYATA PERUBAHAN TUNAI PERSATUAN PESARA UTM  
PADA 31/12/2017**

<b>PERKARA</b>	<b>PENDAPAT AN</b>	<b>PERBELANJ AAN</b>	<b>JUMLA H</b>
<b>Baki Bawa Kehadapan Berakhir 31/12/2016</b>	<b>22,746.00</b>		
<b>PENDAPATAN:</b>			
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yuran dan sumbangan Ahli</li> <li>• Sumbangan Peribadi</li> <li>• Kutipan Tabung</li> <li>• Takaful Khairat Berkelompok</li> <li>• Hibah</li> </ul>	11,618.48		
	<b>34,364.48</b>		
<b>(Butir Terperinci Seperti di Lampiran 1)</b>			
<b>PERBELANJAAN:</b>			
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belanja Pentadbiran</li> <li>• Jamuan</li> <li>• Cabutan Bertuah</li> <li>• Perjalanan AJK KL</li> <li>• Tambahan Fixed Deposit</li> <li>• Bayaran Takaful Khairat Berkelompok</li> <li>• Sumbangan Khairat dan Ihsan</li> <li>• Majlis Tahlil KL</li> <li>• Cheque Issue Charge</li> <li>• Wang Runcit</li> </ul>		<b>18,179.99</b>	
<b>(Butiran Terperinci Seperti di Lampiran 2)</b>			<b>16,184.49</b>
<b>JUMLAH</b>			<b>25,000.00</b>
<b>Simpanan Tetap pada 4/5/2017</b>			<b>41,184.49</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>			

**\*Penyata Akaun berakhir 31/12/2017 dan Simpanan Tetap Seperti di Lampiran 3**

		PENDAPATAN				
1.0	YURAN DAN SUMBANGAN AHLI		YURAN (RM)	SUMB (RM)	RM	RM
1.1	Rohani bt Abd. Rashid		40			
1.2	Yusoff bin Ab. Rauf		40			
1.3	Zuhairi bin Ibrahim		50			
1.4	Umi Kalthum Ahmad		50			
1.5	Aminuddin bin Mohd. Nor		40	60		
1.6	Nafisah bt Ismail		40	10		
1.7	Juhainah bt Md. Rani		40	10		
1.8	Asiah bt Jusoh		40	5		
1.9	Rohana bt Abdul Rahim		40			
1.10	Ibrahim bin Hassan		40			
1.11	Sharifah Alwiah Syed Alwi		60			
1.12	Mohd. Nazri bin L. Zainal		40	10		
1.13	Kamaruzaman bin Ismail		50			
1.14	Mohamad bin Ali		30			
1.15	Mohd. Najib bin Abdul Ghaffar		60			
1.16	Rusmidah Ali		50			
1.17	Farediah Ahmad		50			
1.18	Nor Azman@ Noorani b. Sulaiman		30			
1.19	Norkhair b. Ibrahim		50			
1.20	Abdul Hadi b. Othman		40			
1.21	Dzulkifli b. Awang		50			
1.22	Yahya b. Khalid		40	10		
1.23	Zainol Rashid b. Abu Bakar		50			
1.24	Mat Yasin b. Sirin		30			
1.25	Norazman b. Abdul Majid		50			
1.26	Rohayah bt A. Razak		40			
1.27	Ramli b. Abd. Latif		30			
1.28	Abdul Hamid b. Nasir		50			
1.29	Norazah bt. Yusof		50			
1.30	Haliyah bt Sawal		50			
1.31	Bakri b. Mohd. Dahlan		40			
1.32	Mohd. Hashim bin Setu		40			
1.33	Hasnah bt. Mohammed		40			
1.34	Shaarin b. Ismail		40			
1.35	Rosnah bt Md. Nor		40	10		
1.36	Prof Dr Esah bt Hamzah		60			
1.37	Prof Roslan b. Abd. Rahman		60			
1.38	P.M. A.Aziz b. Hitam		50			
1.39	Mat Isa b. Abd. Rahman		30			
1.40	Sazali b. Ngadiman		40			
1.41	Prof. Zuriati bt. Zakaria		60			
1.42	Prof Ho Chin Siong		60			
1.43	Hidir bin Ariffin		40			
1.44	Abu Samah bin Kasim		40			
1.45	Jawari Idris		30			
1.46	Maizan bin Baba		50	50		
1.47	Rosli bin Anang		50			
1.48	Anuar bin Amir		50			
1.49	Nur Ulhudar bt Jauhari		40	10		
1.50	Ishak bin Mad Shah		60			
1.51	Ramli bin Hj. Yusof		30			
1.52	Noraini bt. Ahmad		40	10		
1.53	Zainab bt. Ismail		50			
1.54	Kamariah bt Nor Mohd. Desa		60	40		
1.55	Muhammad bin Daud		50	50		
1.56	Aminah bt Abu Bakar		50	20		
1.57	Mohamad Nor A. Kadir		30	20		
1.58	Othman Mat Ali		30			
1.59	Zainab bt Hj Hamzah @ Mohamad		40			
1.60	Muhamad Saad b. Hj. Sulaiman		40			
1.61	Zakaria b. Ahmad		30	20		
1.62	Affandi b. Miskam		30			
1.63	Mohd Razman Salim		60	10		
1.64	Robiah bt Adnan		50	50		

Minit Mesyuarat Agung Persatuan Pesara UTM Kali Ke-7 | Khalid Mazlan

1.65	Suhaimi b. Ibrahim	60			
1.66	Johari Hassan	50			
1.67	Dr. Sulaiman Aris	50			
1.68	Farid Nasir b. Ani	60			
1.69	Fatimah bt Harun	40	10		
1.70	Ahmad Norani Sadirin	40			
1.71	Radhah bt Hassan	40	10		
1.72	Noor Hayah Jantan	40	10		
1.73	Nor Saadah Abd Rahman	50			
1.74	Sr Hasmah Abu Zarim	50			
1.75	Noriah bt Bidin	60	40		
1.76	Zainab bt Ramli	50	50		
1.77	Abd. Jalel b. Ahmad	50	50		
1.78	Maulud Ishak Shafie	30			
1.79	Johari b. Zainuddin	40	20		
1.80	Zakiah b. Deraman		100		
1.81	Sumbangan (Credit Transfer)*		30		
1.82	Sumbangan (Credit Transfer)*		50		
1.83	Sumbangan (Credit Transfer)*		50		
1.84	Sumbangan (Credit Transfer)*		50		
		3530	875	4405	
<b>2.0</b>	<b>SUMBANGAN TABUNG MESYUARAT AGUNG 2017</b>				800
<b>3.0</b>	<b>KUTIPAN TABUNG JAMUAN RAYA 2017</b>				1604
<b>4.0</b>	<b>SUMBANGAN ENCIK KHALID</b>				500
<b>5.0</b>	<b>SUMBANGAN DATO' MAJID KADIR</b>				2100
<b>6.0</b>	<b>LEBIHAN JAMUAN HARI RAYA KL</b>				22
<b>7.0</b>	<b>KUTIPAN TABUNG JAMUAN TEH PESARA</b>				720
<b>8.0</b>	<b>HIBAH (JANUARI - DISEMBER 2017)</b>				67.48
<b>9.0</b>	<b>YURAN PELAN KHAIRAT TAKAFUL MALAYSIA</b>				1400
	<b>JUMLAH</b>				<b>11,618.4</b>
					<b>8</b>

\* Penyumbang yang tidak dapat dikesan

**LAMPIRAN 2**

PERBELANJAAN		RM	RM
1.	Belanja Pentadbiran Setiausaha (3/1)		168.80
2.	Fotokopi Laporan Kew. Mesy. Agung 2016 (30/1)		243.80
3.	Belanja Pentadbiran Setiausaha (24/2)		137.80
4.	Qisadari Enterprise (Jamuan Mesyuarat - 26/3)		37.50
5.	Cabutan Bertuah Mesy. Agung (25/2)		200.00
6.	Perjalanan AJK KL Menghadiri Mesy. Agung (25/2)		318.80
7.	Jamuan Mesyuarat Agung 2017 (7/3)		1116.00
8.	Buku Cek		7.50
9.	Belanjaan Pentadbiran Setiausaha (26/3)		38.40
10.	Qisadari Enterprise (Jamuan Mesyuarat - 4/5)		52.50
11.	Tambahan Fixed Deposit (4/5)		8281.35
12.	Bayaran Khairat Berkelompok Takaful M'sia (9/5)		1400.00
13.	Sumbangan Bubur Lambuk (13/6)		500.00
14.	Jamuan Raya Pesara UTM KL (15/7)		500.00
15.	Wang Khairat – Mohd Kamal Affandi (15/6)		100.00
16.	Majlis Tahlil Ramadan Pesara UTM KL (19/6)		200.00

Minit Mesyuarat Agung Persatuan Pesara UTM Kali Ke-7 | Khalid Mazlan

17.	Perbelanjaan Jamuan Raya Pesara 2017 (12/7)		1518.00
18.	Persiapan Dewan Utk Jamuan Raya 2017 (12/7)		430.00
19.	Qisadari Enterprise (Jamuan Mesyuarat - 12/11)		60.00
20.	Pelbagai Perbelanjaan Jamuan Teh Pesara (3/12)		
	20.1	Jamuan – Mak Jah Cafe	1950.00
	20.2	Jurufoto dan Persiapan Dewan	300.00
	20.3	Tempahan Kuih	110.00
			<b>2360.00</b>
21.	Sumbangan Ihsan Ramli b. Abd Latif		100.00
22.	Sumbangan Khairat Saad b. Labri		100.00
23.	Wang Panjar Runcit		300.00
24.	Cheque Issue Charge (Jan – Dis 2017)		9.54
		<b>JUMLAH</b>	<b>18,179.99</b>

*Disediakan oleh Bendahari*

**RAJA FAREDAH BT RAJA ISMAIL**

*Disemak oleh Pemeriksa Kira-Kira*

**DR. HJ. ZAKARIA BIN BAHARI**


**ENCIK ABDUL JAAFAR BIN SHAFIE**

Diperakukan oleh pihak Jawatankuasa:

**PROF. EMERITUS DR. ISMAIL B. KAILANI**  
Yang Dipertua Persatuan Pesara UTM

**HJ. ISMAAL BIN SAMAT**  
Setiausaha Persatuan Pesara UTM

**LAMPIRAN 3**



GROUND & FIRST FLOOR NO. 28,  
JALAN KEBUDAYAAN 5, TAMAN UNIVERSITI  
81300, SKUDAI, JOHOR  
Nombor bebas tol / Toll free number 1-300-88-8787

**PENYATA AKAUN  
ACCOUNT STATEMENT**


PERSATUAN PESARA UTM  
27 JALAN PENDEKAR 19  
TAMAN UNGKU TUN AMINAH  
SKUDAI  
81300 JOHOR BAHRU, JOHOR

Tempoh Penyata / Statement Period 1/12/2017 - 31/12/2017
No. Akaun / Account No. 01080000670716
Cawangan / Branch TAMAN UNIVERSITI, SKUDA
Produk / Product QARDCA NON INDV 1RCH
Matawang / Currency MYR

LAYAK DILINDUNGI OLEH PIDM  
ELIGIBLE FOR PROTECTION BY PIDM

**TRANSAKSI AKAUN / ACCOUNT TRANSACTION**

H DATE	PERKARA DESCRIPTION	NO. CEK / RUJ CHEQUE / REF NO.	PENGELUARAN WITHDRAWAL	SIMPANAN DEPOSIT	BAKI BALANCE	BUTIR-BUTIR TAMBAHAN ADDITIONAL DETAILS
	BALANCE				14,007.29	
11/12/17	S/F CASH DEPOSIT	845901900002387 035667	.00	1,600.00	15,607.29	yuran sumbangan ahli
11/12/17	CASH DEPOSIT	845902500002427 035509	.00	282.00	15,889.29	sumbangan tabung
29/12/17	CASH DEPOSIT	845965100004279 035524	.00	290.00	16,179.29	YURAN AHLI
31/12/17	HEBAH PAID		.00	5.20	16,184.49	
		TOTAL ENDING BALANCE	.00	2,177.20	16,184.49	



**SIJIL AKAUN BERJANGKA TETAP-i  
FIXED TERM ACCOUNT-i CERTIFICATE**

Cawangan Branch	TAMAN UNIVERSITI, SKUDAI	No. Akaun A/C No.	0108-0000446-74-9 G/N : 0108-0000028-73-1
No. Resit Receipt No.	00033010	Tarikh Deposit Placement Date	04/05/2017
Jumlah Amount	*****25,000.00	Tempoh Duration	12
Ringgit	**TWENTY FIVE THOUSAND ONLY**	Bulan Months	
Pelanggan 1 Customer 1	PERSATUAN PESARA UTM	Kadar Keuntungan Profit Rate	4.5000 %
Pelanggan 2 Customer 2		Tarikh Matang Maturity Date	04/05/2018
		No. K/P I/C No.	262211JHR
		No. K/P I/C No.	

LAYAK DILINDUNGI OLEH PIDM  
ELIGIBLE FOR PROTECTION BY PIDM

b/p BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

Peringatan : Lihat Arahan dan Peraturan Di Muka Sebelah Sijil ini  
N.B. : See Rules and Instructions On Overleaf Of This Certificate

SERIAL No. 00033010  
IBC 3  
(On-line)

ABDUL RASHEED BIN ABULLAH  
3-100723  
NORAISAH BINTI YACOP  
102508